

BAB 5

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARANAN

Kajian ini merupakan perbahasan mengenai aliran-aliran kepercayaan di Malaysia dengan meletakkan ajaran Qadiani sebagai objek utama. Perbincangan ditumpukan kepada perkara-perkara pokok yang mendasari ajaran Qadiani yang menjadi pegangan pengikut-pengikutnya. Seterusnya kajian perbandingan dilakukan dengan menganalisis ajaran ini dari perspektif Islam bagi membuktikan sejauh mana kesahihan ajaran tersebut. Hasil dari fakta-fakta dan penelitian yang dilakukan melahirkan beberapa kesimpulan. Disamping itu, saranan-saranan turut dikemukakan sebagai satu usaha untuk membantu pihak-pihak yang bertanggungjawab memurnikan akidah umat Islam. Walaupun ajaran Qadiani telah difatwakan sebagai ajaran yang terkeluar dari ajaran Islam semenjak dari tahun 1975, namun masyarakat Islam masih belum jelas tentang kedudukan ajaran ini. Dalam masa yang sama ajaran Qadiani masih bergiat cergas tanpa sebarang sekatan.

Sebagai penutup kajian disertasi ini, penulis mengemukakan beberapa kesimpulan dan saranan agar ianya dapat dimanfaatkan umat Islam khususnya, dalam usaha menghindari dakyah-dakyah Qadiani serta ajaran-ajaran yang seumpama dengannya. Juga kepada pihak-pihak berwajib,

semoga kajian ini dapat membuka ruang kepada usaha-usaha yang lebih mantap dan berkesan dalam mendepani ajaran Qadiani.

A. KESIMPULAN

1. Secara umum, terdapat dua bentuk aliran kepercayaan di Malaysia. Pertama; aliran kepercayaan yang diakui kebenarannya serta menjadi pegangan umat Islam di Malaysia iaitu aliran kepercayaan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Manakala yang kedua ialah aliran-aliran kepercayaan yang dikategorikan menyeleweng dari landasan Islam atau lebih dikenali sebagai ajaran sesat.
2. Ahli Sunnah Wal Jamaah digunakan bagi kumpulan orang yang berpegang teguh pada al-Quran dan Sunnah dalam setiap perlakuan serta tindaktanduk mereka sebagaimana yang telah diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. Walaupun penggunaan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah hanya bermula setelah berlaku fitnah di dalam masyarakat Islam, dan sebagai satu langkah untuk membezakan dengan golongan serpihan, namun kewujudannya adalah bersusurgalurkan dari Rasulullah s.a.w, diikuti oleh generasi sahabat dan seterusnya hingga ke hari ini.

3. Manakala aliran-aliran kepercayaan yang dikategorikan sesat dan menyeleweng merupakan ajaran yang mengabungjalinkan amalan-amalan berunsurkan Islam dengan kepercayaan mendatang dari luar seperti hinduisme dan anemisma juga amalan-amalan tradisional. Unsur-unsur ini telah lama bertapak di kalangan masyarakat Melayu yang majoritinya adalah umat Islam. Sejarah membuktikan bahawa kedudukan Tanah Melayu yang strategik bukan sekadar mengundang pedagang-pedagang serta penajah bahkan mereka turut membudayakan pengaruh, adat resam serta kepercayaan mereka ke dalam masyarakat Melayu.

4. Sejak zaman Rasulullah s.a.w, ancaman akidah dari ajaran-ajaran sesat sudah bergerak cergas secara persendirian mahupun berkumpulan tetapi berjaya dibanteras bertitiktolak dari keteguhan pegangan umat Islam waktu itu mendepani pelbagai cabaran mendatang. Ajaran-ajaran yang menyeleweng ini kembali berleluasa selepas kewafatan Rasulullah s.a.w dan berlarutan hingga ke hari ini. Sehingga kini, hampir setiap negeri di Malaysia disyaki ada ajaran sesat yang disebarluaskan secara senyap dan mendapat sambutan dari segelintir masyarakat Islam.

5. Qadiani merupakan salah satu aliran kepercayaan yang telah dikategorikan menyeleweng serta difatwakan terkeluar dari ajaran Islam oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Qadiani bersandarkan pada sebuah daerah di India iaitu Qadian, diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad secara rasmi pada tahun 1889. Sejarah kemunculan ajaran ini dihubungkaitkan dengan peranan Inggeris yang telah menjadikan Qadiani sebagai batu loncatan untuk melemahkan umat Islam. Ekoran dari hubungan yang baik tersebut, Qadiani telah berkembang ke seluruh dunia dan mempunyai 120 pusat gerakan yang berpusat di Rabwah, Pakistan.

6. Qadiani mula bertapak di Malaysia pada tahun 1906 dengan penghijrahan salah seorang pengikutnya yang berasal dari Ludhiana ke Selangor dan terus bergerak cergas hingga kini. Pusat pergerakan bagi ajaran Qadiani di Malaysia atau lebih dikenali sebagai Jemaat Ahmadiyah Malaysia ialah di Baitussalam, Kg. Nakhoda, Batu Caves, Selangor. Bermatlamatkan menyebarkan Islam sepertimana yang dihuraikan oleh Mirza Ghulam Ahmad selaku pengasas, pelbagai aktiviti berjaya dijalankan hingga kepada pengeluaran bahan-bahan cetakan, kaset-kaset dan video agama untuk diedarkan kepada

pengikut-pengikut serta orang ramai dalam usaha menyebarkan fahaman mereka.

7. Jemaat Ahmadiyah Malaysia bukan sekadar sebuah pergerakan agama bahkan mempunyai struktur organisasi yang teratur dan sistem kewangan yang mencukupi hasil dari sumbangan ahli yang sanggup berkorban untuk jemaat mereka juga peruntukan daripada Pusat. Kebajikan ahli dititikberatkan oleh pemimpin serta hubungan rapat sesama mereka memperkuuhkan lagi pergerakan ini walaupun dipulau oleh masyarakat setempat. Disamping menjalankan aktiviti memperluaskan pegangan mereka, pergerakan ini berusaha memastikan kader-kader sentiasa mencukupi untuk masa hadapan. Baitussalam antara markas Qadiani yang terlibat dalam program anak wakaf atau *wakfino* yang dilancarkan sebagai satu langkah mentarbiyah bakal-bakal kader Qadiani semenjak dari kecil.
8. Masyarakat yang menerima ajaran Qadiani terdiri dari mereka yang tidak mempunyai latarbelakang pendidikan agama serta kurang jelas perkara pokok dalam Islam. Disamping penerimaan mereka lebih berupa warisan dari orang tua tanpa bersandarkan hujah-hujah yang kukuh, faktor perkahwinan pengikut Qadiani dengan orang luar dari

kelompok mereka turut menyumbang kepada pertambahan pengikut ajaran tersebut. Mubaligh-mubaligh Qadiani memainkan peranan penting dalam memastikan pengikut-pengikut Qadiani sentiasa berpegang teguh pada ajaran tersebut. Segala kekeliruan diperjelaskan sebaik mungkin dengan membawakan bukti-bukti dari al-Quran dan Sunnah serta tidak mewujudkan jurang perbezaan antara ajaran Qadiani dan ajaran Islam, menyebabkan pengikut-pengikut terus menyakini akan kebenaran ajaran Qadiani.

9. Perkara-perkara pokok yang menjadi asas kepada ajaran Qadiani ialah konsep kenabian. Ini terbukti dari siri-siri dakwaan Mirza Ghulam Ahmad sebagai Imam Mahdi, Nabi Isa serta nabi tanpa syariat. Mirza dipercayai sebagai Imam Mahdi berdasarkan bukti kejadian gerhana bulan dan gerhana matahari yang muncul dalam satu bulan. Dan dalam masa yang sama, beliau juga adalah Nabi Isa yang dijanjikan kerana Nabi Isa yang diutus kepada Bani Israil sebelum ini didakwa telah wafat. Perutusan beliau sebagai nabi dianggap tidak bercanggah dengan kedudukan Nabi Muhammad s.aw sebagai *khātam al-Nabiyīn* kerana beliau tidak membawa syariat baru, hanya meneruskan syariat yang sedia ada. Disamping itu juga, ajaran Qadiani yang telah mengecualikan jihad dengan pedang kepada pengikut-pengikut

sebagai medan untuk menyebarluaskan Islam justeru mereka hanya percaya perluasan dakwah hanya berkesan melalui jihad dengan al-Quran dan menentang hawa nafsu.

10. Mirza Ghulam Ahmad merupakan pemimpin yang diagung-agungkan oleh pengikut Qadiani kerana didakwa mempunyai kelebihan berhubungterus dengan Allah melalui wahyu serta ilham kepada beliau. Beliau ditonjolkan sebagai pembela Islam dari kecaman-kecaman Kristian, malahan dianggap sebagai individu yang membawa perubahan dan kesejahteraan kepada umat manusia melalui pengakuan sebagai Jesus yang ditunggu oleh pengikut Kristian, Imam Mahdi yang dinanti umat Islam juga Krisyna kepada orang-orang Hindu.
11. Ajaran Qadiani ternyata terkeluar dari akidah Islam yang sebenar dan bercanggah dengan pertimbangan akal yang waras. Perkembangannya merupakan ancaman besar kepada akidah umat Islam terutamanya konsep kenabian yang dianjurkan oleh pengasas ajaran ini. Pengakuan sebagai nabi adalah bertentangan sama sekali dengan firman Allah serta hadis-hadis nabi tentang kedudukan Nabi Muhammad s.a.w sebagai nabi yang terakhir. Berasaskan hujah ini, nabi-nabi palsu diperangi semenjak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Begitu juga dengan

penurunan wahyu yang hanya dikhkususkan kepada para utusanNya sahaja, turut berakhir selepas perutusan Muhammad s.a.w.

12. Mirza Ghulam Ahmad bukanlah Imam Mahdi sebagaimana yang disebut kemunculannya di dalam hadis-hadis nabi kerana ciri-ciri yang dinyatakan adalah berlawanan dengan realiti diri Mirza Ghulam Ahmad sendiri. Pengakuan sebagai Nabi Isa juga adalah batil kerana sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran serta hadis-hadis, Nabi Isa yang akan diutuskan di akhir zaman adalah Nabi Isa bin Maryam yang telah diutuskan sebelum ini kepada Bani Israil dan baginda masih lagi hidup di sisiNya selepas diselamatkan dari fitnah Yahudi.

13. Ajaran Qadiani yang diperkenalkan oleh Mirza mengandungi bukan sekadar unsur-unsur tasawuf melampau bahkan turut menerapkan nilai-nilai kepercayaan yang dipegang oleh agama Hindu. Ini dapat dilihat di dalam konsep *Wahdat al-wujūd* dan *Tanāsukh al-Arwāḥ*. Konsep-konsep ini diketengahkan secara tidak langsung kepada pengikut-pengikut Qadiani dan sebahagian dari mereka tidak menyedarinya kerana pengakuan-pengakuan beliau mengenai perkara tersebut hanya didapati di dalam karangan-karangan beliau berbahasa Urdu.

14. Walaupun Qadiani telah difatwakan sebagai ajaran yang terkeluar dari ajaran Islam semenjak tahun 1975, namun hingga hari ini ajaran tersebut masih terus diamalkan oleh pengikut-pengikutnya serta disebarluaskan kepada umat Islam yang lain. Fatwa yang dikeluarkan disamping memberi kesan positif kepada umat Islam turut membawa hasil negatif kerana telah membataskan tindakan pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Agama Islam Negeri-negeri untuk bertindak. Ini telah terbukti dari kegagalan dua kes saman terhadap pengikut Qadiani oleh Mahkamah Syariah Negeri-negeri berkenaan kerana pendakwaan terhadap golongan ini adalah diluar bidang kuasa badan-badan tersebut. Disamping itu juga sikap memandang mudah pihak berkuasa terhadap masalah ini lebih memburukkan lagi keadaan.

15. Pada keseluruhannya, kepercayaan yang menjadi pegangan pengikut Qadiani adalah terkeluar dari akidah tauhid yang sebenar. Perkembangannya boleh menggugat keamanan negara, keharmonian serta kerukunan beragama kerana pengikut-pengikut ajaran ini masih mendakwa sebagai orang Islam. Langkah-langkah yang lebih berkesan dan bersungguh-sungguh perlu diambil oleh pihak-pihak berkenaan bagi membanteras ajaran ini hingga ke akar umbi. Berselindung

disebalik alasan tiada peruntukan undang-undang adalah tidak rasional kerana masih terdapat ruang-ruang perundangan yang boleh dimanfaatkan. Umat Islam perlu menghindarkan diri dan keluarga mereka dari terjebak dalam kancang menjelaskan akidah serta struktur keluarga muslim ini.

B. SARANAN

Setelah mengemukakan beberapa kesimpulan, kajian ini seterusnya menyenaraikan beberapa saranan bagi menangani penyelewengan yang berlaku dalam akidah umat Islam terutamanya ajaran-ajaran yang disebarluaskan oleh Qadiani. Walaupun ajaran Qadiani telah difatwakan sebagai ajaran yang terkeluar daripada Islam, namun pergerakan ini masih terus bergiat cergas tanpa ada sebarang tindakan tegas kepada pengikut-pengikutnya. Ini terbukti dari pengesahan JAKIM cawangan Sabah menerusi lapuran akhbar pada 17^{hb} April 1998, tentang kegiatan penyebaran ajaran Qadiani masih bergerak aktif terutamanya di Sandakan dan beberapa kawasan Pantai Timur Sabah. Oleh yang demikian, selain daripada langkah-langkah yang telah diambil, masih terdapat lagi perkara-perkara yang perlu dilakukan diantaranya disarankan;

1. Pihak JAKIM serta Majlis Agama Islam Negeri juga Kementerian-kementerian yang terlibat perlu menjalankan kajian secara mendalam

tentang pergerakan Qadiani yang kembali bergiat cergas sejak kebelakangan ini. Kajian turut merangkumi faktor-faktor pengukuhan Qadiani termasuk sumber-sumber kewangan serta strategi pergerakan ini menyebarluaskan ajaran-ajaran mereka kepada orang ramai khususnya umat Islam. Ini bertujuan mengenalpasti sebab-sebab utama penerimaan kembali masyarakat terhadap ajaran ini juga faktor-faktor luaran yang membantu kestabilan Qadiani di Malaysia.

2. Hasil dari kajian ini, pihak JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri perlu mempergiatkan usaha menyebarkan maklumat tentang ancaman Qadiani terhadap akidah umat Islam yang mana kebanyakan dari masyarakat Islam di Malaysia kurang jelas tentang kedudukan ajaran Qadiani kerana kekurangan maklumat. Usaha penyebaran maklumat perlu melibatkan mass media yang ada seperti televisyen, radio, internet, edaran risalah-risalah ke tempat-tempat awam juga melalui khutbah Jumaat. Segala kekeliruan yang ditimbulkan dari penyelewengan ajaran ini perlu diperjelaskan bersandarkan hujah-hujah yang kukuh agar masyarakat Islam dapat menghindarkan diri dari terpengaruh dengan dakyah palsu Qadiani.

3. Sebagai langkah serampang dua mata, pihak-pihak berkenaan juga perlu mengambil langkah menyebarkan kefahaman yang meluas di kalangan masyarakat Islam tentang akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang perlu menjadi pegangan sebagai satu benteng dari terjebak ke dalam kancang penyelewengan akidah bukan sekadar dari ajaran-ajaran yang di bawa oleh Qadiani bahkan juga dari mana-mana ajaran sesat yang lain.
4. Kerjasama juga diperlukan dari bekas-bekas pengikut Qadiani untuk tampil ke hadapan membuat kenyataan mengenai penyelewengan akidah Qadiani. Memandangkan mereka merupakan golongan yang paling hampir serta arif tentang ajaran tersebut, penjelasan yang dibuat berdasarkan kesedaran dan pengalaman mereka akan lebih memberi kesan kepada masyarakat. Usaha-usaha ini sedikit sebanyak dapat menghindarkan masyarakat dari ajaran tersebut.
5. Tanggungjawab membanteras bukan sekadar terpikul pada pihak-pihak yang berhubungkait dengan agama Islam semata-mata bahkan perlu melibatkan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Dalam Negeri kerana pergerakan ini mampu menggongcang keamanan negara sebagaimana yang telah dilakukan oleh Al-Arqam. Tindakan

tegas perlu diambil ke atas ajaran ini kerana telah bergerak cergas atas nama Jemaat Ahmadiyah Malaysia tanpa didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan sekaligus membuktikan pergerakan ini tidak sah dari segi undang-undang. Selain daripada itu, operasi bersepadu boleh dijalankan antara pihak imigresen serta polis untuk menghalang kemasukan individu-individu yang disyaki menyebarluaskan ajaran Qadiani terutamanya mubaligh-mubaligh Qadiani yang rata-rata merupakan pendatang Indonesia.

6. Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama JAKIM serta Majlis Agama Islam Negeri perlu menyusun semula kurikulum pelajaran agama Islam sekolah-sekolah rendah dan menengah dengan memberi penekanan yang lebih kepada pendidikan akidah disamping mewajibkan kepada semua pelajar muslim di Pusat Pengajian Tinggi mengambil matapelajaran agama tanpa mengira bidang yang mereka ceburi. Penekanan kepada pendidikan akidah amat penting serta perlu berterusan memandangkan gejala pencemaran akidah dikalangan umat Islam semakin berleluasa. Kajian menunjukkan kebanyakan dari mereka yang terlibat dengan ajaran-ajaran sesat terdiri dari mereka yang berpendidikan tinggi. Ini membuktikan pendidikan akidah yang

diperolehi belum cukup mampan untuk mendepani cabaran akidah akhir zaman.

7. Selain dari tindakan memberi kefahaman kepada masyarakat Islam, masih terdapat ruang-ruang perlaksanaan undang-undang terhadap pengikut Qadiani sebagai satu usaha untuk menangani masalah perkembangan ajaran tersebut. Kegagalan dua kes saman Mahkamah Syariah terhadap pengikut-pengikut Qadiani tidak boleh dijadikan alasan untuk terus berlepas tangan menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka kerana peristiwa tersebut telah lama berlaku dan pelbagai perkembangan terkini sistem perundangan negara beserta penafsiran-penafsiran baru dapat membuka ruang lebih besar kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Memandangkan ajaran Qadiani telah difatwakan sebagai bukan dari ajaran Islam, penguatkuasaan undang-undang bergantung kepada sejauhmana negeri-negeri yang terlibat dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja mewartakan fatwa tersebut. Fatwa yang dikeluarkan sekiranya belum diwartakan hanya dianggap sebagai hukum agama tanpa boleh dibuat sebarang tindakan berhubung fatwa tersebut sebaliknya jika

telah diwartakan, sebarang penguatkuasaan terhadap golongan yang terkeluar dari Islam adalah diluar bidang kuasa Mahkamah Syariah.

- 1). Bagi negeri-negeri yang belum mewartakan fatwa mengenai ajaran Qadiani sebagai contoh Melaka dan Sabah, antara tindakan yang boleh diambil ialah;
 - a). Pengikut-pengikut ajaran ini boleh ditangkap dan didakwa di Mahkamah Syariah atas alasan percubaan murtad kerana mengamalkan ajaran yang telah diisyiharkan terkeluar dari ajaran Islam. Peruntukan kesalahan percubaan murtad boleh didapati di dalam Seksyen 66(1) Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 (6/91) iaitu;

“Apabila seseorang Islam dengan sengaja sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar dari Agama Islam atau mengisyiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah hendaklah, jika berpuashati bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukar iktikad dan kepercayaan Agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatan sendiri”

Saya berpendapat tindakan undang-undang boleh dikenakan terhadap pengikut ajaran Qadiani kerana mereka yang menerima ajaran tersebut telah bercanggah dengan peruntukan di atas.

Maksud “melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukar iktikad dan kepercayaan Agama Islam”- ialah menukar pegangan dan iktikad kepada selain dari akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi pegangan umat Islam di Malaysia termasuk ajaran Qadiani kerana ajaran ini mempercayai Mirza Ghulam Ahmad sebagai seorang nabi. Kepercayaan ini adalah bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menyakini Nabi Muhammad s.a.w sebagai nabi yang terakhir.

- b). Golongan ini belum dianggap murtad atau terkeluar dari agama Islam dari segi perundangan sekiranya Mahkamah Syariah belum mengisyiharkannya sama ada melalui tuntutan individu tersebut mahupun sebaliknya. Perkara ini termaktub dalam Seksyen 90A(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) No. 5 (Pindaan) 1995. Apabila belum diisyiharkan murtad, tindakan boleh diambil di bawah Akta

Dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah antaranya;

b.i) Kesalahan yang berhubung dengan akidah seperti mengajar atau menyebarkan doktrin-doktrin atau membuat dakwaan yang berlawanan dengan hukum syara dan fatwa, sebagai contoh; seperti yang terkandung dalam Seksyen 4(1), 5 dan 6 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 Akta 559.

b.ii) Kesalahan penerbitan agama yang berlawanan dengan Hukum Syara. Sebagai contoh, seperti yang terkandung dalam Seksyen (51) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) No. 3 1995.

c). Selain hanya mengambil tindakan undang-undang setelah ditangkap, peluang penangkapan ini boleh dimanfaatkan untuk memperbetulkan fahaman-fahaman salah yang menjadi pegangan pengikut Qadiani. Ini bagi memastikan mereka tidak kembali berpegang kepada ajaran tersebut selepas dikenakan tindakan undang-undang. Antaranya ialah;

- c.i) Mengadakan sesi kaunseling pemulihara akidah dengan memperjelaskan akidah Islam yang sebenar mengikut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah serta meyakinkan mereka bahawa pegangan mereka selama ini jauh terpesong dari landasan Islam. Sesi tersebut perlu dijalankan secara berkala dan turut melibatkan anak-anak pengikut Qadiani kerana mereka telah didedahkan dengan kenabian Mirza Ghulam Ahmad semenjak dari kecil.
- c.ii) Setelah akidah pengikut-pengikut Qadiani diperbetulkan, pasangan yang sudah

berkahwin ketika menjadi pengikut ajaran Qadiani perlu dinikahkan semula. Ini adalah penting demi untuk memurnikan struktur keluarga muslim dan untuk generasi akan datang.

- 2). Bagi Negeri-negeri yang telah mewartakan fatwa-fatwa tersebut sebagai contoh Selangor dan Kedah, tindakan-tindakan di atas tidak boleh dilaksanakan memandangkan penguatkuasaan undang-undang terhadap golongan ini adalah diluar bidang kuasa Mahkamah Syariah. Antaranya tindakan lain yang boleh dijalankan ialah;
 - a). Melalui Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam. Sebagai contoh, merujuk kepada Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) Selangor, Enakmen No. 1 tahun 1988, menurut tafsiran 2(1);

"Ugama bukan Islam ertinya ugama Kristian, Hindu, Budha, Sikh, Yahudi atau apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ugama tersebut dan termasuk apa-apa pegangan, ideologi, falsafah atau apa-apa kumpulan dan sistem amalan

Sebagai langkah untuk mendakwa golongan Qadiani di bawah Enakmen ini, - saya mencadangkan;

i). Membuat penghuraian yang lebih terperinci terhadap "*apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana agama tersebut*" yang pada hemat saya akan turut merangkumi Qadiani.

ii). Membuat pindaan terhadap tafsiran "*ugama bukan Islam*" dengan memasukkan Qadiani sebagai salah satu ugama bukan Islam sebagaimana yang telah dilakukan oleh Negeri Kedah terhadap Enakmen yang sama.

b). Memandangkan Enakmen ini masih belum dikuatkuasakan ke atas golongan Qadiani atau mana-mana yang seumpama dengannya (kerana belum terbentuk jawatankuasa bertindak) disarankan perkara berikut khususnya kepada

Negeri Selangor memandangkan Pusat Qadiani bertempat di negeri berikut, iaitu;

- i). Atas inisiatif Jabatan Agama Islam Selangor, mencadangkan satu Suruhanjaya yang melibatkan pelbagai pihak selain badan-badan yang terlibat dalam agama Islam seperti polis, Majlis Perbandaran serta mana-mana pegawai awam yang difikirkan perlu. Suruhanjaya ini akan berjumpa dengan Raja selaku ketua Agama Negeri memohon mentauliahkan pegawai-pegawai bertauliah tersebut bagi menjalankan kuasa-kuasa pegawai bertauliah di bawah Enakmen ini sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 10. Pegawai-pegawai bertauliah ini mempunyai kuasa untuk menyiasat dan menangkap apa-apa kesalahan di bawah Enakmen tersebut termasuk golongan Qadiani.

8. Pegawai Penguatkuasa Mahkamah Syariah Negeri-Negeri perlu dibuat penyusunan semula. Pegawai-pegawai yang dilantik perlu terdiri dari mereka yang berkelayakan serta berkelulusan dalam bidang undang-undang bagi memudahkan mereka menjalankan tugas sebagai seorang yang arif dengan ilmu masing-masing.
9. Disamping itu juga penguatkuasaan undang-undang yang berhubungkait dengan undang-undang Syariah terutamanya terhadap pengikut-pengikut ajaran sesat hendaklah diselaraskan di semua negeri selepas sesuatu undang-undang dibahaskan di peringkat pusat.
10. Pihak-pihak yang berkenaan dalam penggubalan undang-undang negeri perlu lebih tegas dan bijak membuat pentafsiran terhadap bidang kuasa yang ada disamping berusaha mengatasi halangan-halangan yang ada termasuk meminda mana-mana peruntukan di dalam Enakmen yang perlu terutama yang boleh menguntungkan agama dan umat Islam di negara ini.
11. Akhirnya, umat Islam perlu lebih berhati-hati ketika berhadapan dengan persoalan-persoalan yang melibatkan akidah. Institusi keluarga yang merupakan unit-unit kecil sebuah masyarakat perlu didik dengan

kefahaman Islam serta pegangan akidah yang benar agar dapat menghindari dari terjebak dalam kancang penyelewengan akidah sama ada dari ajaran Qadiani mahupun ajaran-ajaran sesat yang lain. Al-Quran dan Sunnah perlu dijadikan neraca dalam setiap tindak tanduk individu muslim. Gabungan antara masyarakat yang mendalamai ajaran Islam sebenar, ulama dan cendikiawan Islam yang giat menyampaikan ilmu pengetahuan, manakala badan berkuasa melaksanakan amanah Allah menurut syariat Islam akan pasti membawaikan natijah kesejahteraan untuk semua.